



Al-Sultan Abdullah berkenan berbual dengan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad serta Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abd Samad selepas selesai Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan, semalam.

SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN

SALWANI DAPAT DATUK

Bernama

Putrajaya

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada 188 penerima sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 di Istana Melawati di sini, semalam.

Seramai tiga individu didahului Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Mohd Zawawi Salleh dianugerahkan darjah Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Selain Mohd Zawawi yang dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan pada 27 April 2018, turut dianugerahkan SMW ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) JPM Datuk Dr Mazlan Yusoff.

Hasnol dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkuat kuasa hari ini.

Istiadat berlangsung buat pertama kali di Istana Melawati itu turut menyaksikan 25 individu dianugerahkan Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk.

Antara penerima PMW ialah Pengarah Sektor Audit Tadbir Urus, Jabatan Audit Negara Nor Salwani Mu-



NOR Salwani



NIK Mohd Hasyudeen



AGONG berkenan menyampaikan darjah SMW kepada Hasnol.

hammad, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Dr Waitchalla R R Suppiah serta Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH) Nik Mohd Hasyudeen Yusoff.

Selain itu, 39 individu dianugerahkan Johan Mahkota Wilayah (JMW), 27 individu menerima anugerah Kesatria Mahkota Wilayah (KMW), 36 individu mene-

rima anugerah Ahli Mahkota Wilayah (AMW) dan 68 individu menerima Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW).

Nor Salwani adalah saksi penting dalam perbicaraan pindaan laporan audit Malaysia Development Berhad (1MDB) dan beliau mencuri tumpuan apabila mendedahkan menyimpan salinan asal laporan yang diarah untuk dimusnahkan.